

Bernas akui ubah gred beras

Masalah mesin punca stok bernilai hampir RM1 juta di dua kilang bercampur

BH 28/6/08 M/S 17

Oleh Norfatimah Ahmad

KUALA LUMPUR: Padiberas Nasional Bhd (Bernas) mengaku mengubah gred beras Super Tempatan 15 peratus hancur (ST15) membabitkan stok bernilai hampir RM1 juta, di dua kilangnya di Kedah dan Selangor, baru-baru ini.

Timbangan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Mokhtar Ismail, berkata bagaimana pun syarikat itu memaklumkan kejadian berkenaan berlaku disebabkan masalah mesin.

Beliau berkata, perkara itu sudah dijelaskan Bernas dalam pertemuan yang diadakan dengan Bahagian Kawalselia Padi dan Beras kementerian berkenaan kelmarin.

“Mesin yang terlalu lama menyebabkan sukatan beras hancur yang sepatutnya 15 peratus untuk setiap bungkusan tidak tepat dan kementerian sudah mengarahkan Bernas segera menaik taraf mesin di kilang-

nya yang mempunyai masalah sama.

“Kebanyakan mesin di kilang milik Bernas itu mula digunakan sejak mengambil alih operasi Lembaga Padi Negara (LPN) apabila agensi itu diswastakan pada 1994,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sebelum ini, dua kilang padi milik Bernas diserbu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masing-masing di Tanjung Karang dan Anak Bukit kerana didakwa mengubah gred kira-kira 540 tan beras ST15.

Bekalan beras itu dirampas selepas pemeriksaan mendapati bungkusan ST15 yang sepatutnya diisi dengan 15 peratus kandungan beras hancur, sebaliknya mengandungi sehingga 20 peratus beras terbabat.

Bungkusan yang diubah gred sebenarnya itu, bagaimanapun dijual mengikut harga beras ST15 peratus iaitu RM1.80 sekilogram.

Sebelum ini, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mustapa Mohamed memaklumkan tindakan Bernas yang gagal memastikan 200,000 tan beras diimport dari Thailand bagi menambah stok penimbal tiba di negara ini mengikut jadual.

Daripada jumlah bekalan yang dipesan hanya 80,000 tan akan tiba akhir bulan ini, manakala 120,000 tan lagi pada Ogos ini. Ketika ini, Bernas mempunyai stok simpanan beras 180,000 tan, meningkat sekali ganda berbanding 92,000 tan sebelum ini.

Pada Disember 2007 dan awal tahun ini, syarikat terbabit didapati melanggar Akta Kawalan Padi dan

INFO

SENARAI HARGA BARANG KEPERLUAN UTAMA

BARANG (kg)	JOHOR BAHRU		SEREMBAN		IPOH		GEORGETOWN		KUANTAN		K TERENGGANU		KOTA BHARU	
	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam
1. Ayam proses	RM6	RM6	RM7	RM7	RM6.50	RM6.50	RM6.00	RM6	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6.50	RM6	RM6
2. Ikan kembung	RM7	RM7	RM7-RM8.50	RM7-RM8.50	RM10	RM10	RM6	RM6	RM10	RM10	RM10	RM10	RM5	RM5
3. Ikan cencaru	RM6.50	RM6	RM5	RM5	RM8	RM8	RM5	RM5	RM25	RM25	RM7	RM7	RM6	RM6
4. Ikan bawal putih	RM38	RM35	RM20	RM20	RM30	RM8	RM30	RM30	RM12	RM12	tiada	tiada	-	-
5. Udang sederhana	RM14	RM15	RM12	RM12	RM14	RM14	RM13	RM13	RM8	RM9	RM16	RM16	RM13	RM13
6. Cili merah	RM9.50	RM9.50	RM8-RM10	RM8-RM10	RM10	RM10	RM12	RM12	RM3	RM3	RM7	RM7	RM7	RM7
7. Sawi	RM2.50	RM2.30	RM2.50-RM4	RM2.50-RM4	RM4	RM4	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50	RM3.50	RM3.50	RM2.50	RM2.50
8. Bayam	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.60	RM2.60	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50	RM5	RM5	RM2.50	RM2.50
9. Kubis	RM2.30	RM2.50	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM5	RM5	RM3	RM3	RM3	RM3
10. Tomato	RM6	RM4.50	RM5-6	RM5-6	RM3.50	RM3.50	RM6	RM6	RM6	RM6	RM5	RM5	RM4	RM4
11. Kacang buncis	RM5	RM6	RM4.50-	RM6.50	RM5	RM5	RM6.50	RM6.50	RM3	RM3	RM5	RM5	RM4.50	RM4.50
12. Kacang panjang	RM4.50	RM3.50	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50	RM6.50	RM6.50	RM2	RM2	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM3.50
13. Bawang merah	RM7	RM7.50	RM6	RM6	RM5	RM5	RM1.30	RM1.30	RM1.20	RM1.20	RM2.50	RM2.50	RM1.50	RM1.50
14. Bawang besar	RM2	RM2.50	RM2.40	RM2.40	RM2	RM2	RM2	RM2	RM2.20	RM2.20	RM2	RM2	RM2	RM2
15. Ubi kentang	RM2	RM2	RM3.60	RM3.60	RM3	RM3	RM5	RM5	RM4	RM4	RM3	RM3	RM2	RM2
16. Santan	RM4.50	RM4.50	RM4.50	RM4.50	RM4	RM4	RM18	RM18	RM16	RM16	RM6	RM6	RM5	RM5
17. Daging tempatan	RM18	RM18	RM17	RM17-19	RM17	RM17	tiada	tiada	RM11	RM11	RM17	RM17	RM11	RM11
18. Daging import	RM12	RM11	RM11	RM11	RM12	RM12	tiada	tiada	RM11	RM11	RM11	RM11	RM15	RM15

BARANG (kg)	KUCHING		KOTA KINABALU		MELAKA		ALOR STAR		KANGAR		SHAH ALAM		KUALA LUMPUR		PUTRAJAYA	
	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam	Harga kelmarin	Harga semalam
1. Ayam proses	RM8	RM8	RM7	RM6.90	RM6	RM6	RM6	RM6	RM7.50	RM7.50	RM6.50	RM6.50	RM6	RM6	RM6.50	RM6.50
2. Ikan kembung	RM6	RM7	RM8.50	RM8.50	RM8	RM8	RM6.50	RM6.80	RM7	RM7	RM12	RM10	RM9	RM10	RM11	RM10
3. Ikan cencaru	RM6	RM6	RM7.50	RM7.50	RM7	RM7	RM6.50	RM7	RM6.50	RM6.50	RM9	RM9	RM10	RM10	RM7.50	RM8.00
4. Ikan bawal putih	RM45	RM45	RM25	RM25	RM25	RM25	RM32	RM30	RM30	RM30	RM15	RM17	RM15	RM15	RM17	RM17
5. Udang sederhana	RM13	RM13	RM16	RM16	RM16	RM16	RM18	RM17	RM14	RM14	RM14	RM14	RM14	RM14	RM17	RM17
6. Cili merah	RM12	RM12	RM6	RM5.70	RM6	RM6	RM11	RM10	RM8	RM8	RM10	RM9	RM8	RM8	RM9	RM10.00
7. Sawi	RM4	RM4	RM2.50	RM2.50	RM4	RM4	RM3.50	RM3.30	RM3	RM3	RM3	RM3	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50
8. Bayam	RM4	RM4	RM3.50	RM3.50	RM4	RM3	RM3.60	RM3.50	RM3.50	RM3.50	RM2.50	RM2.50	RM3	RM3	RM2.50	RM2
9. Kubis	RM3.50	RM3.50	RM2.50	RM3	RM3	RM3	RM3	RM3	RM3.50	RM3.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2	RM2
10. Tomato	RM5	RM5	RM5	RM5	RM4	RM4	RM5.50	RM5.50	RM4	RM4	RM4.50	RM4.50	RM4	RM4	RM5	RM5
11. Kacang buncis	RM6	RM6	RM4	RM4	RM6	RM6	RM6	RM5	RM5	RM5	RM7	RM7	RM6	RM6.50	RM5	RM6
12. Kacang panjang	RM4	RM4	RM3	RM3	RM4	RM4	RM3.40	RM3.50	RM3	RM3	RM4	RM4	RM3.50	RM3.50	RM4	RM5
13. Bawang merah	RM4.40	RM4.40	RM7	RM7	RM4.80	RM4.80	RM4.50	RM4.80	RM3.50	RM3.50	RM9	RM9	RM3	RM3	RM5	RM5
14. Bawang besar	RM2.60	RM2.60	RM3.50	RM3.50	RM1.80	RM1.80	RM2.20	RM2.20	RM2	RM2	RM2.50	RM2.50	RM1.50	RM1.50	RM1.20	RM1.20
15. Ubi kentang	RM2.60	RM2.60	RM6	RM6	RM2.60	RM2.60	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.40	RM2.40	RM2.50	RM2.50	RM2.50	RM2.50
16. Santan	RM2	RM2	RM4	RM4	RM5	RM5	RM5	RM5	RM5	RM5	RM3.80	RM3.80	RM4	RM4	RM3.50	RM3.50
17. Daging tempatan	RM22	RM22	RM16.50	RM16.50	RM18	RM18	RM18	RM18	RM18	RM18	RM20	RM20	RM20	RM20	RM11	RM11
18. Daging import	RM18	RM18	RM15	RM14.50	RM11.80	RM11.80	RM11	RM11	RM11	RM11	RM9.20	RM9.20	RM11.50	RM11	RM18	RM18

Sumber: Tinjauan Berita Harian

FAKTA NOMBOR

Stok simpanan beras Bernas (tan)

180,000
Kini

92,000
Sebelum ini

Beras 1994 dengan membawa masuk 35,000 tan beras wangi dari Thailand bernilai lebih RM80 juta juga tanpa permit import (AP) diluluskan.

Sebelum itu, kejadian sama dikesan pada Disember 2004, apabila Bernas dikesan membawa masuk 12,500 tan beras dari Vietnam tanpa AP

hingga menyebabkan lambakan beras bernilai RM40 juta itu ditahan di gudang beberapa pelabuhan negara.

Mohd Mokhtar berkata, Bernas mempunyai kilang di setiap zon di seluruh negara juga perlu memastikan kejadian sama tidak berulang bagi menjaga status sebagai syarikat

berkaitan kerajaan (GLC) yang diberi hak pengimport beras tunggal negara.

“Kita akan memantau secara berterusan operasi Bernas bagi memastikan mereka tidak menyalahgunakan kepercayaan yang diberikan kerajaan,” katanya.